

Proton e.MAS 7 Menerima Lebih 2,500 Tempahan !

Minat yang tinggi terhadap EV pertama PROTON dengan lebih 2,500 tempahan diterima, menandakan sokongan yang jitu terhadap peralihan ke arah mobiliti lestari.

Subang Jaya, 26 Disember 2024 – PRO-NET, anak syarikat kepada pengeluar automotif nasional PROTON, dengan bangganya mengumumkan bahawa Proton e.MAS 7, EV pertama syarikat, telah mencatat lebih 2,500 tempahan. Pencapaian gemilang ini mencerminkan semangat yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap mobiliti lestari dan menandakan permintaan tinggi terhadap Proton e.MAS 7.

Proton e.MAS 7, EV nasional pertama Malaysia, terus menarik perhatian kerana inovasi dan nilainya, dengan menawarkan dua varian iaitu Prime dan Premium yang dikuasakan oleh bateri berkapasiti 49.52 kWh dan 60.22 kWh. Dengan jarak WLTP sehingga 410 km, EV ini menyokong pengecasan AC 11kW dan pengecasan pantas DC sehingga 100kW. Harga Atas Jalan (tanpa insurans) untuk Proton e.MAS 7 ialah RM109,800 bagi varian Prime dan RM123,800 bagi varian Premium. Sebagai tawaran pelancaran istimewa untuk 3,000 pelanggan pertama, rebat RM4,000 diberikan, menjadikan harga varian Prime RM105,800 dan varian Premium RM119,800.

Ciri-Ciri Inovatif dan Pembangunan Tempatan

Kejayaan Proton e.MAS 7 ini diperkuat dengan gabungan unik inovasi, praktikaliti, dan kemampuan miliknya. Dibangunkan secara tempatan dengan sokongan pasukan kejuruteraan PROTON, e.MAS 7 menawarkan pengalaman pemanduan dinamik sambil memenuhi keperluan pemandu moden di Malaysia. Direka khas untuk rakyat Malaysia, ia juga dilengkapi dengan peta pengecasan EV yang komprehensif di mana ia boleh diakses melalui Aplikasi Proton e.MAS, yang memudahkan pengguna EV di seluruh negara.

“Kesungguhan yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia terhadap Proton e.MAS 7 mencerminkan kesediaan mereka untuk menerima mobiliti lestari. Dengan gabungan ciri inovatif dan nilai yang luar biasa, Proton e.MAS 7 direka untuk menjadi pilihan ideal bagi mereka yang ingin beralih ke kenderaan elektrik. EV ini merupakan satu langkah besar ke hadapan, bukan sahaja untuk PROTON tetapi juga untuk masa depan automotif hijau di Malaysia,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Jadi Sebahagian Daripada Perjalanan

Tempahan untuk Proton e.MAS 7 boleh dibuat di mana-mana daripada 30 bilik pameran Proton e.MAS di seluruh negara atau melalui laman web Proton e.MAS. Aplikasi Proton e.MAS, yang kini tersedia untuk dimuat turun di gedung aplikasi, menawarkan kemudahan yang terbaik, memastikan pengalaman pemilihan yang lancar. Tempah e.MAS 7 anda sekarang dan jadi sebahagian daripada revolusi ke kenderaan elektrik!

Pakej Power Pack untuk 3,000 Pelanggan Pertama

Bagi meraikan pencapaian ini, PROTON menawarkan Pakej Kuasa Pelancaran istimewa kepada 3,000 pelanggan pertama, dengan menyediakan pakej manfaat eksklusif bernilai sehingga RM8,000 untuk meningkatkan pengalaman pemilihan EV:

- **Power Home:** Pengecas 7kW Home Charger Percuma bernilai RM 1,500
- **Power Plus:** V2L Adaptor Percuma bernilai RM 500
- **Power Online:** 5-Tahun Data Internet Tanpa Had bernilai RM 1,800
- **Power Thru:** Jaminan Kenderaan Jarak Tanpa Had selama 6 tahun • Jaminan Bateri dan Komponen Bervoltan Tinggi 8-Tahun / 160,000km
- **Power Financing:** Kadar Faedah 1.98% dari Proton Commerce sehingga RM3,000
- **Power Exchange:** Rebat Eksklusif Proton Owner Trade-In bernilai RM 1,200

Sila ikuti laman web Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna "Proton e.MAS Cars" di Facebook dan Xiaohongshu, serta "@protonemasofficial" di TikTok dan Instagram untuk mendapatkan kemas kini terkini.

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawaian Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Faisal Shah Mohamed Shah

Senior Manager Group Communication

Telephone: +6019-321 8897

Email: faisalshah@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Nicholas Nathaniel Raj

H/Advisors Klareco

Telephone: +6017 610 3249

Email: nicholas.raj@h-advisors.global

Joshua Fredrick

H/Advisors Klareco

M: +6012 392 8943

Email: joshua.fredrick@h-advisors.global